

## Seorang lagi pencetus industri sertai MDEC, Ruslena Ramli Dilantik sebagai Pengarah FinTech dan Ekonomi Digital Islam

- *Bekas Ketua Kewangan Islam di RAM Rating Services Bhd, Ruslena akan ditugaskan untuk mengembangkan dan memacu strategi dan program MDEC membabitkan teknologi kewangan dan Ekonomi Digital Islam*

**CYBERJAYA, 16 JUN 2021:** Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), agensi utama dalam transformasi ekonomi digital negara hari ini mengumumkan pelantikan Ruslena Ramli sebagai Pengarah Bahagian Teknologi Kewangan dan Ekonomi Digital Islam untuk memacu misi 'Mencipta Semula' dan mempercepatkan keupayaan untuk merealisasikan aspirasi Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL).

Ruslena akan melapor kepada Gopi Ganesalingam, Naib Presiden, Bahagian Ekosistem Teknologi dan Globalisasi. Berhubung peranan baharunya itu, beliau bertanggungjawab untuk memimpin teknologi kewangan dan Ekonomi Digital Islam (FIDE) di MDEC bagi merebut peluang yang pesat berkembang dan menawarkan perbezaan melibatkan keterangkuman kewangan dan kewangan Islam. Malaysia terus unggul dalam ekonomi dan kewangan Islam apabila memimpin di peringkat global selama lapan tahun berturut-turut berdasarkan statistik oleh Petunjuk Ekonomi Islam Global (GIEI).

Ruslena Ramli memulakan kerjayanya sebagai jurubank pelaburan di SIME Merchant Bank pada 1997. Beliau kemudian menyertai RAM Rating Services Bhd (RAM Ratings) pada 1999 dan kemudiannya terlibat dalam perbankan Islam pada 2004. Pengalaman luasnya merangkumi pelaburan, komersial dan perbankan runcit serta memberi nasihat mengenai sukuk dan penerbitan bon. Selain itu, beliau juga terlibat dengan aspek kemudahan urus niaga termasuk mendapatkan kelulusan Bank Negara Malaysia untuk penubuhan produk perbankan Islam.

"Malaysia menduduki tempat pertama dalam Indeks Teknologi Kewangan Islam Global (GIFT). Dianggarkan saiz pasaran teknologi kewangan Islam pada tahun lepas adalah sebanyak AS \$ 3 bilion dan dijangka tumbuh sebanyak 23 peratus setiap tahun dengan anggaran nilai mencecah AS \$ 8.5 bilion pada 2025. Menerusi Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) yang ditandatangani baru-baru ini yang menyaksikan kewujudan blok perdagangan terbesar dunia, Malaysia mampu menerima manfaat daripada 30 peratus penduduk dunia. Oleh itu, kehadiran Ruslena merupakan sebahagian daripada langkah penting ketika MDEC berusaha mengukuhkan kedudukan negara di peringkat global dalam bidang Ekonomi Digital Islam dan teknologi kewangan. Saya yakin beliau akan menjadi nilai tambah yang sangat berharga kepada MDEC ketika kita berusaha untuk mewujudkan masyarakat yang sangat terintegrasi dengan teknologi, disokong oleh keterangkuman dan kesamaan sejajar dengan Malaysia 5.0," kata Datuk Wira Dr Hj. Rais Hussin Mohamed Ariff, Pengerusi, MDEC.

Menurut Laporan *State of the Global Islamic Economy* (GIER) 2019/20, umat Islam dijangka membelanjakan US \$ 2.4 trilion menjelang 2024, meningkat dari US \$ 2.2 trilion pada 2018. GIER juga mendedahkan bahawa 66% pengguna bersedia untuk membayar lebih banyak bagi produk beretika sementara laporan dari Thomson Reuters mengunjurkan aset patuh Syariah di seluruh dunia akan mencapai AS \$ 3.8 trilion menjelang 2022.

Beliau membawa kepakaran melibatkan struktur patuh Syariah ke MDEC berdasarkan pengalaman sebagai jurubank Islam dan juga pelatih bagi Perbadanan Pembangunan Industri Sekuriti (SIDC). Sebelum menyertai MDEC, Ruslena merupakan Ketua Kewangan Islam di RAM Ratings yang telah memainkan peranan penting dalam mengembangkan francais RAM dalam kewangan Islam. Pasukannya berjaya memperoleh beberapa geran penyelidikan bagi mempromosikan kepakaran dan wawasan agensi berkenaan dalam penilaian kredit dan transaksi sukuk.

"Saya mengalu-alukan kehadiran Ruslena di MDEC. Beliau merupakan antara pelantikan baharu di agensi ini yang mencerminkan usaha dan tekad kami untuk mengekalkan kedudukan negara dan MDEC sebagai pemimpin dalam ekonomi dan kewangan Islam di peringkat global. Pengalaman luas yang dimiliki akan melengkapkan dan meningkatkan kemampuan MDEC ketika kita sedang berusaha untuk memenuhi keperluan sektor ini yang berkembang pesat,"kata Surina Shukri, Ketua Pegawai Eksekutif MDEC.

Ruslena memiliki Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) bidang Perakaunan dan Kewangan dari Middlesex University of London dan Ijazah Sarjana dalam Kewangan Islam dari Pusat Antarabangsa Pendidikan Kewangan Islam (INCEIF).

"MDEC telah memainkan peranan signifikan dalam mengembangkan Ekonomi Digital Islam dan teknologi kewangan sejak sedekad yang lalu sehingga membawa negara kita menjadi peneraju dalam sektor ini. Oleh itu, saya berasa bangga dapat menjadi sebahagian daripada pasukan ini apabila menyertai pasukan terbaik untuk menyumbang kepada MDEC dan juga negara,"kata Ruslena.

#TAMAT#

### **Mengenai Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)**

Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) adalah agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang menerajui transformasi digital negara selama 25 tahun. Agenda MDEC adalah Malaysia 5.0, mewujudkan negara yang sangat terintegrasi dengan teknologi, memberikan peluang digital yang adil kepada rakyat dan perniagaan

Untuk mencapainya, MDEC akan memberi tumpuan kepada NADI Digital yang merangkumi empat teras utama iaitu Kemahiran Baharu, Penerimgunaan, Pengganggu dan Pelaburan (( *New Skills, Adoption, Disruptors* dan *Investment*). Ini menjadi asas kempen jenama MDEC yang menyeluruh yang akan mendorong program teras untuk rakyat, perniagaan dan pelabur. Objektif MDEC adalah untuk Malaysia menjadi sebuah negara digital yang berdaya saing di dunia, berdasarkan inklusif, kelestarian dan kemakmuran bersama serta dengan tegas menjadikan Malaysia sebagai Nadi Digital ASEAN.

# Malaysia5.0 #NadiDigital #SayaDigital #MHODA #MyMDEC

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai inisiatif Ekonomi Digital MDEC, sila layari [www.mdec.my](http://www.mdec.my) atau ikuti kami di: Facebook: <https://www.facebook.com/MyMDEC/> Twitter: @mymdec

Untuk pertanyaan media, hubungi:

Dashika Gnaneswaran - [dashika.gnaneswaran@mdec.com.my](mailto:dashika.gnaneswaran@mdec.com.my)

Simon Yap - [simon.yap@mdec.com.my](mailto:simon.yap@mdec.com.my)